



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PENCEMARAN MAKANAN”

5 Januari 2024 / 23 Jamadil Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“PENCEMARAN MAKANAN”

Firman Allah SWT ayat 168 surah al-Baqarah:

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Bermaksud: “Wahai manusia, makanlah daripada makanan yang halal dan baik yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan! Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu”.

Makanan ialah keperluan sangat asas bagi kelangsungan hidup manusia. Makanan yang halal, bersih, baik dan selamat amat mempengaruhi kesejahteraan hidup dan kesihatan tubuh manusia. Pencemaran makanan merangkumi makanan yang tercemar dengan bahan asing berbentuk fizikal, biologi atau kimia. Pencemaran makanan berlaku apabila makanan tidak dimasak dengan betul, disimpan atau ditangani dengan cara yang

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



tidak bersih, sehingga dijangkiti bakteria, virus dan kuman atau terdedah kepada bahan toksik. Makanan yang tercemar, boleh menjadi penyebab kepada pelbagai penyakit.

Antara faktor berlakunya pencemaran makanan adalah, tidak menjaga kebersihan, membiarkan makanan di hinggap serangga perosak, terdedah kepada cicak, lipas dan tikus, menyimpan makanan di tempat atau pada suhu yang tidak sesuai, tidak membasuh bahan makanan dengan baik, tidak peka terhadap tempoh luput, bencana alam seperti banjir dan sebagainya. Pencemaran makanan menjadi punca kepada pelbagai penyakit, paling sering berlaku ialah keracunan makanan. Pesakit akan menghidapi kolera (taun), cirit birit, muntah, sakit perut, sakit kepala, demam berlarutan yang mendatangkan mudarat kepada tubuh. Lebih parah dari itu makanan yang tercemar turut dikenal pasti sebagai salah satu penyebab kepada penyakit kanser.

Rekod Jabatan Kesihatan Negeri Perak, mencatatkan 48 kes keracunan makanan dilaporkan berlaku antara Januari sehingga Disember 2023, membabitkan 2,224 pesakit. Perangkaan tersebut menunjukkan peningkatan 29 peratus berbanding kes keracunan makanan yang berlaku pada tahun 2022. Dua puluh empat kes atau 50 peratus kes keracunan makanan berlaku di institusi pendidikan, sementara tujuh kes melibatkan premis makanan, enam kes membabitkan kediaman persendirian dan baki 11 kes dalam pelbagai kategori lain.

Untuk memastikan kualiti makanan terpelihara, proses mengendalikan makanan di setiap peringkat rantai mesti diurus secara baik mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan; bermula daripada kerja-kerja pengeluaran sama ada di ladang, di kilang atau di restoran, disusuli dengan proses menyimpan, membungkus, menghantar dan memasarkan, sehingga peringkat menyediakan, memasak, dan menghidangkan. Pada setiap peringkat amatlah penting dipastikan makanan tidak tercemar dan tidak dijangkiti oleh bakteria, virus, kuman dan bahan toksik yang membahayakan kesihatan.

Kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan telah menjalankan pelbagai kempen kesedaran mahu pun program berkaitan pencemaran makanan. Kesedaran, kepedulian dan kesungguhan pelbagai pihak, berperanan penting untuk memastikan makanan tidak tercemar. Ummah turut mempunyai peranan dan tanggungjawab memastikan diri dan ahli keluarga mendapat makanan yang selamat dan tidak tercemar. Pihak pengusaha dan pengendali makanan wajib mematuhi segala peraturan di bawah Akta Makanan 1983



sebelum sesuatu produk makanan dipasarkan, atau dihidangkan agar kesihatan pengguna terjamin dilindungi.

Mukminin yang dikasihi Illahi

Firman Allah SWT, ayat 168 surah al-Baqarah, yang khatib bacakan pada awal khutbah menunjukkan perintah Allah SWT kepada seluruh manusia untuk mencari dan mendapatkan makanan daripada sumber yang halal dan baik. Istilah *Halalan Toyyiban* bermaksud halal lagi bersih, suci dan diyakini; bukan sekadar memastikan kebersihan luaran malah wajib diberikan perhatian kebersihan bahan, proses pembuatan, penghasilan dan keselamatan menggunakannya. Pada masa yang sama, ummah diperingatkan agar mencari makanan yang sah halalan, menjauhi makanan yang diharamkan, juga menjauhi makanan yang diragui atau samar-samar taraf halalhnya. Baginda SAW bersabda:

إِنَّ الْحَالَ بَيْنَ وَبَيْنَ الْحَرَامِ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى
الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

Bermaksud: Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram juga jelas, dan di antara keduanya terdapat perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh ramai manusia. Maka sesiapa yang menjauhi perkara syubhah bermakna dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya dan sesiapa yang terjerumus dalam perkara syubhah maka dibimbangkan terjerumus ke dalam perkara haram.

(Hadis Riwayat Muslim)

Islam amat menitik beratkan soal makanan, terbukti apabila amalan memberi makan kepada fakir miskin, memberi makan kepada orang berpuasa, memberi agihan daging korban, merupakan ibadah sunat yang dituntut; akan tetapi tidak sempurna pelaksanaannya melainkan makanan yang diberikan berada dalam keadaan segar, bersih dan berkualiti baik. Banyak hikmah yang terkandung melalui makanan bersih dan halal, antaranya tubuh menjadi sihat dan bertenaga, mudah melakukan ibadah, menghasilkan hati nurani yang bersih, akal menjadi cerdas dan doa diperkenankan oleh Allah SWT.



Mukminin yang dilimpahi keberkatan Ilahi

Mimbar menyenaraikan peringatan-peringatan berikut:

Pertama: Pembekal-pembekal makanan di institusi pendidikan, majlis perkahwinan, kantin dan pengamal industri makanan bertanggungjawab memastikan makanan diurus secara bersih dari awal penyediaan hingga akhir. Lakukan kerja dengan cermat dan elakkan amalan yang boleh membahayakan kesihatan pengguna.

Kedua: Para pengusaha, pengendali dan peniaga makanan wajib mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa kesihatan atau kerajaan tempatan dengan memastikan produk atau bahan makanan yang dihasilkan dan dijual adalah halal, bersih dan selamat. Digalakkan membuat permohonan pensijilan halal daripada Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Perak.

Ketiga: Para petugas yang menyedia dan menghidangkan makanan wajib menjaga kebersihan diri dengan memastikan tangan dicuci bersih sebelum dan selepas menyediakan makanan atau ketika menghidangkan makanan. Memastikan makanan dan hidangan sentiasa disimpan di tempat yang tidak terdedah kepada lalat, cicak, lipas, tikus dan serangga perosak.

Keempat: Ummah harus bijak memilih premis makanan yang mengamalkan sistem pengurusan makanan yang baik lagi bersih. Beri perhatian pada setiap tempat makan yang ummah kunjungi seperti di restoran, kawasan Rehat dan Rawat, warung dan gerai di pinggir jalan, begitu juga ketika berada di luar negara. Utamakan premis makanan yang diiktiraf kualiti kebersihannya serta mengamalkan sistem pengurusan makanan yang baik, serta memiliki bekalan air bersih untuk memastikan pinggan, mangkuk, cawan dan gelas dibasuh dengan air laluan dan bukan air yang dikitari semula.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! bimbing kami dalam urusan mendapatkan makanan yang halal, bersih dan selamat. Pelihara kami serta ahli keluarga daripada sebarang penyakit berpunca pembawaan makanan. Jadikan makanan yang kami makan asbab kami semakin gemar dan mudah melakukan amal kebaikan untuk mendapatkan keredaan Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.